

# i-STP rawat kumbahan perkampungan air

➔ Inovasi UPM bantu memudahkan penduduk pulihara kualiti sungai, laut

Oleh Wan Nur Faliqha  
Wan Hazani  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**T**eknologi Sistem Rawatan Kumbahan Tidak Berpusat (i-STP) yang pertama di Malaysia kini boleh digunakan bagi membantu merawat kumbahan perkampungan air di Borneo.

Ia memudahkan penduduk perkampungan terabit memulihara kualiti air sungai atau laut.

i-STP mempunyai ciri-ciri modular yang mudah dipasang bagi merawat najis di perkampungan air terabit, malah hasil kumbahan terawatnya juga memenuhi standard Suruhanjaya Perkhidmatan Air Nasional (SPAN).

Pensyarah Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Rahinah Ibrahim, berkata ia adalah inovasi reka bentuk perindustrian yang mengambil loji rawatan kumbahan melalui dua proses, iaitu aerobik dan anaerobik.

## Percepat peningkatan mutu

Katanya, produk ini juga menggunakan pakai media terpilih bagi mengurangkan saiz isi padu 2,000 liter kepada 350 liter tangki septik yang dikehendaki oleh SPAN.

"Infervensinya dijangka dapat mempercepatkan peningkatan kualiti air di kawasan persisiran pantai Sabah, sekali gus dapat memuliharanya daripada tercemar,"

katanya pada sidang media mengenai penghasilan loji i-STP, di Galeri Serdang UPM, di sini, semalam.

Beliau berkata, bahan yang digunakan untuk menghasilkan produk ini adalah polimer plastik berdensiti tinggi dan keluli tahan karat bagi menampung isi padu sebanyak 350 liter.

"Sistem i-STP boleh dibahagikan kepada dua bahagian bagi tujuan pengangkutan melalui bot serta memudahkan pemasangan mengelilingi tiang struktur di bawah tandas rumah," katanya.

Rahinah berkata, produk ini dapat memudahkan penduduk perkampungan air di Sabah bagi memelihara kualiti air sungai atau laut di sana.

"Saya berharap lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membantu merawat kumbahan perkampungan air di Sabah dengan penggunaan i-STP ini," katanya.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]



Rahinah menunjukkan i-STP pada sidang media di UPM Serdang, semalam.